

# Wanita salah guna dadah didenda dan perintah diawasi polis selama dua tahun

**MIRI:** Padah terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah, seorang wanita didenda RM2,500 atau tiga bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan pihak polis selama dua tahun mengikut Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Tertuduh, Mary Purai Jau, 30, didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Mengikut kesalahan itu, tertuduh boleh didenda hingga RM5,000 atau penjarasehingga dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama

tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine, Methamphetamine dan Methylenedioxyamphetamine (MDMA) yang tersenarai di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke tubuh sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 12.30 tengah hari, 8 Februari lalu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Pendakwaan dikendalikan pegawai pendakwa ASP Mary Ong di hadapan Majistret Ashok Linggam.